


Headline	Elak masalah pada Ramadan, Aidilfitri		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	23 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	62	ArticleSize	353 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 11,734
Journalist	N/A	PR Value	RM 35,201
Frequency	Daily		



GANGGUAN AIR DI LEMBAH KLANG

Elak masalah pada Ramadan, Aidilfitri

➔ Bekalan air dijangka pulih 48 jam

► Bangi

Gangguan air di Lembah Klang bermula esok tidak dapat dielakkan bagi memastikan tidak timbul masalah air pada bulan puasa dan Aidilfitri, kata Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar.

Katanya, pihaknya turut memberi jaminan bekalan air akan pulih dalam tempoh 48 jam.

Beliau berkata langkah penambahan dan membaiki paip air sudah lama dirancang Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Kerja penambahbaikan adalah

kerja besar dan memerlukan masa yang lama. Jadi, kerana itulah kami meminta tempoh 48 jam," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli di sini semalam.

4,143,465 pengguna

SPAN pada Khamis lalu memaklumkan gangguan bekalan air sehingga 86 jam dijangka berlaku di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor susulan kerja-kerja penambahbaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) pada 24 April.

Gangguan bekalan air akan membabitkan 620,835 akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan.

Dalam pada itu, beliau turut menganjurkan orang ramai agar memulakan proses pengumpulan air bagi menampung kegunaan air



Kita kena kurangkan pembaziran air"

Dr Xavier Jayakumar

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli pada tarikh berkenaan.

"Kita kena kurangkan pembaziran air. Ini adalah yang terbaik untuk jangka masa panjang bagi memastikan bekalan air mencukupi," katanya.

BERNAMA



Farah Nadzira mengisi air ke dalam baldi dan bekas simpanan air sebagai langkah persediaan apabila gangguan bekalan air di Lembah Klang bermula esok.

Headline	KACAK, KELAKAR, KAYA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	17	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	Idris Musa	AdValue	RM 15,206
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,618



**Idris Musa
dan Yusmizal Dolah Ailing**
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Rupa paras, karakter, layanan baik dan kewangan kukuh antara faktor mendorong sama ada lelaki atau wanita tempatan memilih pasangan hidup dalam kalangan warga asing dari seluruh dunia.

Malah, trend perkahwinan ini terutama di Selangor semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Namun, tidak semua perkawinan itu atas dasar cinta, ada juga dalam kalangan warga asing ini mahu mengambil kesempatan berkahwin dengan warga tempatan semata-mata untuk memudahkan pengeluaran visa atau mahu menjalankan perniagaan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Haris Kasim berkata, di Selangor, peningkatan warga asing berkahwin dengan warga tempatan mula ketara sejak 2014.

Katanya, banyak faktor mendorong perkahwinan warga asing dan rakyat tempatan ini yang memilih pasangan hidup berlainan budaya.

Bagaimanapun, katanya, ada juga pasangan yang mencari jalan untuk berkahwin dengan wanita atau lelaki tempatan bagi

memudahkan urusan visa. "(Selain itu) keistimewaan akibat perkahwinan, penggunaan, pemilikan dan pengekalan kepentingan serta keperluan kehidupan mereka di Malaysia," katanya kepada Harian Metro.

Laporan pendaftaran perkahwinan pasangan bukan warganegara di Selangor bagi 2014 dan 2015 adalah contoh jelas menunjukkan peningkatan yang ketara.

Bagi 2014, membabitkan sejumlah 983 orang, iaitu 635 daripadanya adalah wanita manakala 348 lelaki, dengan warga Indonesia paling ramai iaitu 617 orang (148 lelaki, 469 wanita), Thailand (20 lelaki, 74 wanita), India (31 lelaki, 31 wanita), Pakistan (39 lelaki, 14 wanita), Bangladesh (22 lelaki, dua wanita), Filipina (enam lelaki, 13 wanita), Singapura (10 lelaki, tujuh

wanita) dan lain-lain (72 lelaki, 25 wanita).

Statistik 2015 pula menunjukkan sejumlah 1,066 warga asing mendaftarkan perkahwinan di Selangor, iaitu 570 daripadanya lelaki dan 496 wanita.

Rakyat Indonesia terus merekodkan angka tertinggi dengan 581 orang (236 lelaki, 345 wanita), Pakistan (97 lelaki, sembilan wanita), Thailand (23 lelaki, 39 wanita), India (44 lelaki, dua wanita) dan Bangladesh (20 lelaki, 28 wanita).

Warga Kemboja (tujuh lelaki, 14 wanita), China (10 lelaki, tujuh wanita), Singapura (15 lelaki), Filipina (tiga lelaki, lapan wanita), Nigeria (tujuh lelaki, dua wanita), Mesir (empat lelaki, empat wanita), British (lima lelaki, dua wanita), Australia (enam lelaki) dan Myanmar (dua lelaki, tiga wanita).

Seterusnya, Nepal (empat lelaki), Amerika Syarikat (dua lelaki, dua wanita), Vietnam (dua lelaki, seorang wanita), Iran (dua lelaki, seorang wanita), Yaman (tiga lelaki) dan Iraq (tiga lelaki). Afrika, Jepun, Denmark dan Jerman masing-masing dua lelaki.

Sweden, Itali, Argentina, England, Perancis, Jerman, Belanda, Algeria, Liberia, Syria, Rusia, Jordan, Palestin dan Lubnan, masing-masing seorang lelaki manakala United Kingdom dan Korea, masing-masing seorang wanita dan lain-lain (53 lelaki, 27 wanita).

Berdasarkan data itu, Haris berkata, kecenderungan jumlah lelaki meningkat dari tahun ke tahun berbanding wanita, dengan pertambahan jumlah negara dari lapan kepada 41 negara.

"Umumnya data berkenaan menunjukkan cinta itu melampaui batas ras dan sempadan negara," katanya.

Beliau berkata, pada prinsipnya JAIS akan memberikan kelulusan permohonan yang dikemukakan jika pihak pemohon dapat memenuhi semua keperluan ditetapkan.

"Buat masa ini belum ada sebarang kajian atau soal selidik yang dapat mensahihkan fakta tersebut yang berlaku membabitkan pasangan berkenaan."



“Ada juga pasangan yang mencari jalan untuk berkahwin dengan wanita atau lelaki tempatan bagi memudahkan urusan visa”

Haris Kasim

katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagaimanapun sudah ada trend menunjukkan peningkatan kes perselisihan faham, proses perceraian dan pembubaran perkahwinan yang berlaku membabitkan pasangan berkenaan.

"Isu dan permasalahan yang berbangkit menunjukkan perkara ini berlaku akibat penderaan, cemburu dan kewujudan pihak ketiga," katanya.

KACAK, KELAKAR, KAYA

■ Faktor wanita tempatan pilih berkahwin dengan warga asing

Kes gangguan bekalan air di Selangor

6 MAC 2018

Lima kakitangan Syabas cedera akibat sistem mampatan udara pecah semasa proses persiapan pengaktifan semula Loji Rawatan Air SSP3 dekat Bukit Badong, Ijok Kuala Selangor. Insiden turut menjelaskan sebanyak 564,000 akaun pengguna Syabas yang meliputi 427 kawasan sekitar Lembah Klang.

8 SEPTEMBER 2018

Gangguan bekalan air ke Pulau Ketam, Bagan Teochew dan Sungai Lima ekoran kerja-kerja pembaikan paip dasar laut yang pecah di Terusan Bagan

20 SEPTEMBER 2018

Loji Rawatan Air Bernam River Headworks (BRH) dihenti tugas pada jam 12 tengah malam berikutan insiden kemalangan kenderaan di KM 271.2 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) yang membawa muatan bahan Latex menyebabkan tumpahan masuk ke sungai Bernam. Insiden turut menyebabkan gangguan bekalan air sementara kepada penduduk-penduduk di seluruh Wilayah Sabak Bernam.

9 OKTOBER 2018

Henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih bagi pelaksanaan kerja-kerja berjadual penggantian peralatan selama 12 jam.

11 JANUARI 2019

Sebanyak 20 kawasan di ibu negara mengalami gangguan air selama dua hari bermula jam 9 malam (12 Januari) sehingga jam 11 malam (13 Januari) kerana kerja-kerja pembaikan kebocoran paip air mentah dan henti tugas sementara Loji Rawatan Air Bukit Nanas. Antara kawasan terlibat adalah Bukit Bintang, Bukit Ceylon, Kampung Datuk Keramat, Pudu, Chow Kit dan Taman Duta

26 JANUARI 2019

Beberapa kawasan di Hulu Langat yang mengalami gangguan bekalan air dilaporkan pulih secara berperingkat selepas kerja-kerja pembaikan peralatan pengepaman Loji Rawatan Air Sungai Langat siap dilaksanakan.

18 MAC 2019

Gangguan bekalan air tidak berjadual di Petaling, Hulu Langat dan Sepang ekoran gangguan bekalan elektrik di Seri Kembangan.

19 APRIL 2019

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhaimi Kamaralzaman memaklumkan tiada sebarang rebat akan dibayar kepada pengguna yang terjejas ekoran penutupan bekalan air di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Kuala Lumpur pada 24 April ini berikutan pihaknya mengeluarkan notis awal mengenai penutupan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas.

PUNCA GANGGUAN BEKALAN AIR:

- 1) Paip bawah tanah pecah
- 2) Paip bocor/pecah
- 3) Penurunan paras air kolam
- 4) Masalah teknikal rumah pam/ kolam air
- 5) kerja-kerja penambahbaikan sistem bekalan air/penggantian injap
- 6) Gangguan bekalan elektrik

Headline	ADUN siap sedia bantu penduduk terjejas		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	23 Apr 2019	Circulation	140,000
Section	Selangor & KL	Readership	420,000
Page No	18	ArticleSize	371 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 7,865
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	PR Value	RM 23,596
Frequency	Daily		



ADUN siap sedia bantu penduduk terjejas

Banyak kawasan terjejas akibat gangguan bekalan air

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Gangguan bekalan air hingga 86 jam di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor bermula 24 April ini, bukan sahaja menimbulkan menjadi kerisauan buat penduduk di kawasan terlibat, malah turut menjadi perhatian wakil rakyat yang berada di kawasan berkenaan.

ADUN Paya Jara, Mohd Khairuddin Othman berkata, berdasarkan jadual gangguan bekalan air diberikan dalam tempoh tersebut, penduduk Kampung Merbau Sempak dan Kampung Kubu Gajah dijangka akan lebih terkesan kerana banyak kawasan di situ yang terlibat.

Beliau berkata, dua kawasan itu akan menjadi perhatian pihaknya, namun kawasan



MOHD KHAIRUDDIN

lain yang tidak terlibat dengan gangguan, penduduknya diingatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan menyimpan air yang mencukupi.

“Saya juga sudah berjumpa dan berbincang dengan pihak Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berhubung bekalan air bagi tempoh tiga hari tersebut.

“Bantuan air akan dihantar pada waktu-waktu tertentu khususnya yang melibatkan kenduri, kematian atau bantuan kecemasan lain,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Mohd Khairuddin berkata, pihaknya juga akan menaikkan kain rentang atau gegangan

tung memaparkan nombor telefon serta maklumat berkaitan syarikat Air Selangor bagi memudahkan penduduk berhubung untuk sebarang bantuan.

Sementara itu, **ADUN Kota Anggerik, Mohd Najwan Halimi** memberitahu, apa yang menjadi kebimbangan beliau ialah masalah yang bakal dihadapi penduduk-penduduk pangaspuri, flat atau apartmen dalam tempoh gangguan tersebut.

“Kediaman tinggi ini memang sukar jika tiada air dalam tempoh lama, apakah lagi untuk angkut air ke atas. Jadi saya harap penduduk di situ, dapat manfaatkan baki sehari lagi untuk simpan air secukupnya.

“Bagi penduduk di kediaman teres, saya tak risau sa-

ngat kerana mereka biasanya akan membuat simpanan air lebih awal,” katanya.

Beliau berkata, semoga kerja-kerja penambahbaikan yang dibuat di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) juga dapat disiapkan lebih cepat dan syarikat Air Selangor juga bersiap sedia dengan bekalan air yang mencukupi bagi menampung keperluan sepanjang tempoh gangguan tersebut nanti.

Katanya, bagi warga Kota Anggerik yang mempunyai masalah atau memerlukan bantuan air kritikal sepanjang tempoh itu nanti boleh menghubungi Pejabat DUN Kota Anggerik di talian 0173048007 atau 03-55239888 (waktu pejabat).



Kediaman tinggi ini memang sukar jika tiada air dalam tempoh lama, apakah lagi untuk angkut air ke atas.”

- Mohd Najwan

Headline	'Runner' sedia khidmat beli, hantar tong air		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	23 Apr 2019	Circulation	140,000
Section	Selangor & KL	Readership	420,000
Page No	18	ArticleSize	388 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 8,226
Journalist	N/A	PR Value	RM 24,678
Frequency	Daily		



Kes gangguan bekalan air di Selangor

► 6 MAC 2018

Lima kakitangan Syabas cedera akibat sistem mampatan udara pecah semasa proses persiapan pengaktifan semula Loji Rawatan Air SSP3 dekat Bukit Badong, Jok Kuala Selangor. Insiden turut menjelaskan sebanyak 564,000 akaun pengguna Syabas yang meliputi 427 kawasan sekitar Lembah Klang.

► 8 SEPTEMBER 2018

Gangguan bekalan air ke Pulau Ketam, Bagan Teochew dan Sungai Lima ekoran kerja-kerja pembalakan paip dasar laut yang pecah di Terusan Bagan

► 20 SEPTEMBER 2018

Loji Rawatan Air Bernam River Headworks (BRH) dihentikan tugas pada jam 12 tengah malam berikutkan insiden kemalangan kenderaan di KM 271.2 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) yang membawa muatan bahan Latex menyebabkan tumpahan masuk ke sungai Bernam. Insiden turut menyebabkan gangguan bekalan air sementara kepada penduduk-penduduk di seluruh Wilayah Sabak Bernam.

► 9 OKTOBER 2018

Henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih bagi pelaksanaan kerja-kerja berjadual penggantian peralatan selama 12 jam.

► 11 JANUARI 2019

Sebanyak 20 kawasan di ibu negara mengalami gangguan air selama dua hari bermula jam 9 malam (12 Januari) sehingga jam 11 malam (13 Januari) kerana kerja-kerja pembalakan kebocoran paip air mental dan henti tugas sementara Loji Rawatan Air Bukit Nanas. Antara kawasan terlibat adalah Bukit Bintang, Bukit Ceylon, Kampung Datuk Keramat, Pudu, Chow Kit dan Taman Duta

► 26 JANUARI 2019

Beberapa kawasan di Hulu Langat yang mengalami gangguan bekalan air dilaporkan pulih secara berperingkat selepas kerja-kerja pembalakan peralatan pengepaman Loji Rawatan Air Sungai Langat siap dilaksanakan.

► 18 MAC 2019

Gangguan bekalan air tidak berjadual di Petaling, Hulu Langat dan Sepang ekoran gangguan bekalan elektrik di Seri Kembangan.

► 19 APRIL 2019

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhaimi Kamalzaman memaklumkan tiada sebarang rebat akan dibayar kepada pengguna yang terjejas ekoran penutupan bekalan air di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Kuala Lumpur pada 24 April ini berikutan pihaknya mengeluarkan notis awal mengenai penutupan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas.

PUNCA GANGGUAN BEKALAN AIR:

- 1) Paip bawah tanah pecah
- 2) Paip bocor/pecah
- 3) Penurunan paras air kolam
- 4) Masalah teknikal rumah pam/ kolam air
- 5) kerja-kerja penambalbaikan sistem bekalan air/pengantian injap
- 6) Gangguan bekalan elektrik

Sumber: Twitter dan Facebook Air Selangor

'Runner' sedia khidmat beli, hantar tong air

PUNCAK ALAM – Mudah dan cepat. Itulah pendekatan yang diambil seorang penghantar (*runner*) untuk membantu menyediakan khidmat membeli dan menghantar tong bersaiz besar untuk simpanan air menjelang gangguan bekalan itu, esok.

Azrin Adnan, 37, atau lebih dikenali sebagai 'Gemuk Runner' mengambil peluang menyediakan perkhidmatan itu kerana kebanyakan penduduk mencari tong bersaiz besar untuk dijadikan bekas menyimpan air.

"Sebenarnya ramai sedang mencari tong air sebab nak tumpang bekalan air selama empat hari terutama mereka yang mempunyai anak ramai.



Azrin (kanan) menunjukkan tong biru yang mendapat permintaan tinggi daripada penduduk menjelang gangguan air bermula esok.

"Menyedari keadaan itu, saya cuba bantu dengan mencari pembekal tong terpakai yang masih berkeadaan baik untuk dijual dengan harga berputatan dan hantar terus ke rumah," katanya.

Azrin berkata, sambutan orang ramai cukup menggalakkan kerana mereka lebih

mudah membeli dengan cara itu tanpa perlu memikirkan kos lain.

"Selepas saya buat satu hantaran dalam Facebook untuk Bandar Puncak Alam, ramai yang hubungi untuk mendapatkan tong terpakai atau baharu dengan saiz 20 liter sehingga 210 liter.

"Sebenarnya, saya buat perkhidmatan penghantaran pelbagai jenis barang, peralatan dan motosikal sebelum ini dengan caj mengikut kemampuan penduduk setempat," katanya.

Menurut Azrin, dia terfikir menyediakan perkhidmatan itu selepas pengumuman gangguan bekalan air dan tidak menyangka sambutan yang diterima menggalakkan.

Headline	Simpan dan guna air secara berhemah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	161 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,413
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,240



Simpan dan guna air secara berhemah

SHAH ALAM - Air Selangor berusaha memastikan pengguna bersedia dengan gangguan bekalan air berjadual bermula esok.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya sentiasa memastikan pengguna membuat persediaan awal.

"Air Selangor sudah-pun turun padang mengedar notis hebatan dan memberi penerangan kepada pengguna-pengguna di kawasan-kawasan yang terjejas.

"Orang ramai juga dinasihatkan menyimpan bekalan secukupnya bagi keperluan sepanjang tempoh gangguan dan menggunakan air dengan berhemah," katanya.

Katanya, Air Selangor juga telah melaksanakan beberapa penyusunan bantuan pengagihan bekalan air.

"Sebanyak 82 buah lori tangki air dan 17 'Jumbo tanker' akan digerakkan ber-

mula 24 April ini bagi membekalkan air kepada penguna dan premis kritikal yang terjejas seperti hospital, pusat kesihatan dan lain-lain.

"Selain itu sebanyak 106 buah tangki-tangki statik akan juga ditempatkan di lokasi atau premis kritikal," katanya.

Dalam pada itu, pengguna juga boleh menghubungi Air Selangor untuk mendapatkan sebarang makluman berhubung gangguan bekalan air berjadual ini.

"Air Selangor menghargai kerjasama pelanggan sepanjang tempoh gangguan dan pelanggan dinasihatkan untuk merujuk laman sesawang www.syabas.com.my atau muat turun aplikasi telefon bimbit 'Air Selangor' di Google Play atau App Store.

"Pengguna juga boleh melayari Facebook Air Selangor atau twitter @air_selangor untuk maklumat kawasan dan status terkini," katanya.



ABDUL RAOF AHMAD

Headline	Risau gangguan air terlalu lama		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 7,908
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,724



Risau gangguan air terlalu lama



Ahmad berharap pihak bertanggungjawab menyelaraskan bantuan pengagihan bekalan air di kawasan yang terjejas.

Penduduk harap tempoh masa gangguan dapat disingkatkan

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Risau nak buat macam mana, kenalahan hadap," demikian reaksi penduduk di sekitar kawasan yang akan mengalami gangguan bekalan air bermula pada esok, 24 April.

Rata-rata menyifatkan keadaan ini perlu ditanganai dengan sebaik mungkin memandangkan tempoh masa gangguan bekalan air itu kelak agak lama.

Penduduk Flat PKNS, Seksyen 7, Muhammad Syarifuddin Bakri, 23, berkata buat masa ini dia cuba menyimpan air seberapa banyak yang mungkin.

"Saya tinggal di tingkat lima bersama tiga lagi rakan yang lain, kalau nak angkut air dari bawah ke atas memang penat.

"Jadi buat masa sekarang, saya bersama rakan serumah bergilir menyimpan air, kami tahan air guna botol mineral kosong untuk disimpan," katanya.

Katanya, perkara itu sekaligus akan menyulitkan kehidupan sehari-hari kerana tempoh gangguan bekalan air ini agak lama.

"Bukan fikir soal nak mandi tu, tapi nak buang air kecil dan besar, kalau tak tahan siap-siap memang susah."

"Kalau air yang kami simpan ini tak cukup, seharusnya memang kena berse-

dialah," katanya.

Penduduk, Ahmad Arsyad Mohd Noordin, 23, pula berkata pihak bertanggungjawab perlu melaraskan bantuan bantuan terutamanya ke kawasan flat meramandangkan ramai golongan warga emas disini.

"Kawasan flat saya sewa memang ramai warga emas, saya harap pihak bertanggungjawab dapat selaraskan untuk bantuan pengagihan bekalan ke kawasan sini.

"Macam kami yang muda ni pun pernat nak mengangkut air, tambah lagi warga emas memanglah tak larat," katanya.

Terdahulu, gangguan bekalan air sehingga 86 jam dijangka berlaku di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor susulan kerja-kerja penambahbaikan perkakasan kritisik sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) pada 24 April ini.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Charles Santiago berkata, pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) itu perlu dibuat dengan segera untuk mencegah sebarang kerosakan atau risiko kegagalan sistem elektrik bagi mengelakkan gangguan bekalan air yang tidak terancang kepada pengguna.

Katanya, kerja-kerja penambahbaikan akan bermula dari jam 9 pagi sehingga 11 malam iaitu selama 14 jam dan dijangka pengguna terputus bekalan air selama 86 jam.

Headline	'Mahu pulang rupanya petanda Rizal pergi selamanya'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	21	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	336 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,123
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,370



'Mahu pulang rupanya petanda Rizal pergi selamanya'

JERAM – Siapa sangka, kata-kata terakhir 'mahu pulang' dan 'mahu dekat' dengan kedua ibu bapa rupa-rupanya petanda operator kren, Allahyarham Mohammad Rizal Mazlan yang pergi buat selama-lamanya.

Ibunya, Pujimah Sardin, 49, memberitahu, kata-kata terakhir anak keduanya itu ketika bersalam sebelum pulang ke Johor pada 14 April lalu masih segar dalam ingatan.

"Saya masih ingat, arwah nak sangat balik ke sini dan cari kerja di sini sebab tidak mahu jauh daripada kami. Arwah juga merancang berkahwin bulan ini tetapi tidak kesampaian," katanya.

Menurut Pujimah, sebelum kejadian, Allahyarham Mohammad Rizal meminta kenduri tahlil yang menjadi kelaziman keluar-



Mazlan (tiga dari kiri) menerima khairat kematian yang disampaikan Mohd Shaid dan Mohandas (lima dari kanan) ketika kunjungan mereka di rumah pencarum Perkeso yang meninggal dunia, semalam.

ga sebelum Ramadan dia-dakan pada 13 April.

"Kenduri itu dirancang pada 6 April tapi kami tutupkan kehendaknya. Semua adik-beradik dapat berkumpul. Ketika itu arwah tidak menunjukkan kelakuan pelik malah nam-

pak gembira," katanya.

Allahyarham Mohammad Rizal meninggal dunia selepas terlibat dalam satu kermalangan berhampiran Tol Nilai ketika menunggang motosikal dalam perjalanan pulang ke Johor Bahru pada jam 7 malam.

Bapanya, Mazlan Ismail, 58, menyifatkan Mohammad Rizal seorang anak yang baik dan menjaga kebaikan kedua ibu bapanya walaupun berjalan malah sebulan sekali akan pulang menjenguk keluarga.

"Tak sangka arwah tinggalkan 'hadiah' buat kami sekeluarga melalui pencek penakat dan sumbangsan khairat kematian Perkeso.

"Saat kami kehilangan anak, Perkeso datang beri sumbangan. Inilah caruman anak yang ditinggalkan untuk kami. Ahamdulillah," katanya ketika ditemui pada kunjungan Pengurus Perkeso Klang, V Mohandas; Timbalan Pengurus, Mohd Redzuan Abu Jamil; Pegawai Skuad Perkeso Prihatin, Shahril Mohamed Salleh dan ADUN Jeram, Mohd Shaid Rosli di Jalan Ibrahim, Simpang 3 Jeram, semalam.

Sementara itu, Mohandas berkata, Skuad Perkeso Prihatin membantu mencari dan menggesek keluarga mangsa untuk prosedur tertentu sebelum menyuruhkan sumbangan.

info

Allahyarham
Mohammad Rizal
mencarum dari 2013
sehingga gaji terakhir

"Dalam kes ini, tidak sampai seminggu Skuad Prihatin Perkeso membantu menyelesaikan semua dokumen.

"Hasil semakan, waris mangsa berkelayakan memohon pencek penakat kerana mangsa dicarumkan dari 2013 sehingga kini tanpa sebarang masalah.

"Hari ini, kami datang sendiri membuat serahan khairat kematian kepada keluarga mangsa dan harap sumbangan ini dapat meringankan beban keluarga," katanya.

Headline	Rumah penduduk ditimpa pokok		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	21	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	472 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 10,006
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,019



Rumah penduduk ditimpa pokok

**Lima penduduk
Kampung Tanjong
Keramat trauma
dilanda ribut, siling
diterbangkan angin**

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

TANJONG KERAMAT

Penduduk Kampung Tajung Keramat dekat sini dikejutkan dengan ribut kuat sehingga mengakibatkan beberapa rumah rosak.

Mereka mendakwa terdengar bunyi dan pusaran angin kuat sebelum menerbangkan atap rumah ketika kejadian jam 6.30 petang kelmarin.

Penduduk N Arumugam, 46, berkata, pokok mangga di perkarangan rumahnya tumbang akibat kejadian itu.

"Bunyi sangat kuat dan angin berpusar sebelum menumbangkan pokok mangga dan menghempap bumbung rumah," katanya.

Arumugam antara lima penduduk di Kampung Tanjong Keramat yang teruk dilanda ribut sehingga mencederakan dua pelanggarannya.

Menurut Arumugam, ketika

kejadian dia bersama pelanggannya yang datang untuk berubat berada di hadapan rumah.

Katanya, dia tidak senang hati melihat ribut dan beberapa bumbung sudah diterbangkan angin.

"Nasib baik ada lori yang diparkir di tepi rumah, boleh menahan pokok daripada tumbang. Kalau tak ada lori di situ, mungkin tetamu yang datang itu cedera teruk," katanya yang menyifatkan kejadian itu pertama kali berlaku dalam hidupnya.

Arumugam memberitahu, kejadian ribut itu paling menakutkan yang pernah berlaku dalam hidupnya selama 25 tahun menetap di kampung itu.

Katanya, kejadian berkenaan turut diakui anak-anaknya yang mendengar bunyi sama. "Mereka juga pelik mendengar bunyi kuat itu dan takut terutama ketika pokok tumbang," katanya.

Arumugam menerima sumbangan daripada ADUN Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli ketika kunjungan dan tinjauan wakil rakyat itu ke rumahnya.

Sementara itu, Juwairiya berkata, beliau difahamkan kejadian ribut dengan angin berpusar itu dikatakan pertama kali melanda kampung itu tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Saya difahamkan dua individu cedera ringan dan ada sum-



Juwairiya (tengah) menyampaikan sumbangan kepada mangsa ribut ketika kunjungannya ke Kampung Tanjong Keramat, semalam.

bangan sebagai tanda takziah atas musibah selain berbincang dengan Pejabat Ahli Parliment Kuala Selangor tentang bantuan baik pulih rumah.

"kerja baik pulih sudah dilaksanakan dan meminta Majlis Daerah Kuala Selangor membantu membersihkan sisa pokok tumbang di kawasan terjejas," katanya.

**Sila leyari
sinharrian.com.my**



Pokok mangga yang menghempap bahagian depan rumah Arumugam selepas kejadian ribut di Kampung Tanjong Keramat, kelmarin.

Headline	Wayang pacak gamit memori		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	380 cm ²
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 8,056
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,168



Wayang pacak gamit memori

Penonton teruja bentang tikar sambil tonton Paskal The Movie

AZIE YAHAYA

PELABUHAN KLANG

Lebih 100 penonton mengimbau nostalgia era 1960-an dan 1970-an melalui filem *Paskal The Movie* menerusi wayang pacak di padang Taman Suria Pendamar, di sini, semalam.

Bagi pelajar, Aiman Zulkifli, 14, keseronokan menonton wayang pacak memberikan pengalaman baharu kerana kaedah tayangannya berbeza dengan wayang moden.

"Saya biasa tengok wayang tapi kali ini mak bawa

saya dengan adik menonton wayang pacak. Seronok bentang tikar dan tengok ramai-ramai," katanya.

Aiman turut berharap tayangan seperti itu dapat diteruskan pada masa akan datang kerana memberi pendedahan mengenai peristiwa yang tidak pernah dialami golongan baharu.

Suri rumah, Faridah Hanum Abdul Aziz, 42, pula berpendapat generasi kini tidak sempat merasai pengalaman menonton filem melalui wayang pacak.

"Satu ketika dulu, wayang pacak ini jadi penghibur dan tumpuan ibu bapa membawa anak-anak mereka sekitar 1960-an sehingga awal 1980-an kerana tidak semua orang mampu memiliki televisyen sendiri."

"Selain bersantai bersama keluarga, penonton juga diberi pesanan dan nasihat mengenai penjaga-



Orang ramai tidak melepasskan peluang menonton wayang pacak *Paskal The Movie* di padang Taman Suria Pendamar, semalam.

an kesihatan," katanya.

Program anjuran bersama Jabatan Penerangan Malaysia, Persatuan Penduduk Taman Suria Pendamar, Pejabat DUN Pelabuhan Klang dan Pejabat Parlimen Kota Raja itu turut dihadiri ADUN Pela-

buhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Azmizam berkata, program julung kali diadakan itu bertujuan mengembalikan semula konsep hiburan wayang pacak yang popular suatu ketika dahulu selain memberi peluang

kepada warga emas mengimbau kembali kenangan lalu.

Menurut beliau, wayang pacak boleh menjadi hiburan bermaklumat kepada anak-anak muda serta pelajar.

"Jika selama ini mereka

info

Lebih 100 penduduk menyaksikan wayang pacak

hanya mendengar ibu bapa bercerita tentang wayang pacak, kini mereka dapat melihat sendiri bentuk wayang pacak atau lebih diketahui sebagai layar bestari," katanya ketika merasmikan program Tayangan Wayang Pacak Paskal, di sini, semalam.

Katanya, pemilihan filem *Paskal The Movie* bagi menyemarakkan semangat patriotik terutamanya dalam kalangan anak-anak muda serta remaja.

"Filem ini sendiri memberi kesedaran kepada segenap lapisan masyarakat untuk menghargai jasa dan pengorbanan pejuang negara," katanya.

Headline	Kedai barang plastik diserbu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,674



Kedai barang plastik diserbu

KLANG - Kedai yang menjual tong air di sekitar daerah ini diserbu orang ramai sebagai persediaan menghadapi gangguan bekalan air bermula esok.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati orang ramai tidak mahu menunggu saat akhir bagi mendapatkan tong air.

Suri rumah, Azila Ismailuddin, 38, berkata, dia terlebih dahulu membandingkan harga ditawarkan pengusaha kedai sebelum membeli tong berkenaan.

“Saya memang *survey* dulu harga. Selepas berpuas hati baru beli sebab ada kedai yang tawarkan harga lebih murah walaupun kualitinya sama,” katanya.

Wanita itu memberitahu, dia membeli tiga tong untuk kegunaan 10 ahli keluarga dan disediakan di setiap bilik air.

“Kalau ikutkan memang tidak cukup bagi kegunaan sepanjang gangguan dalam tempoh hampir tiga hari. Mujur ada jadual pembekalan air secara berjadual yang dapat membantu kami menyimpan air,” katanya.



Orang ramai memilih tong air pelbagai saiz sebagai persiapan menghadapi gangguan bekalan air esok.

Bagi Sam, 35, harga yang ditawarkan oleh pengusaha kedai masih lagi relevan.

“Harga tong air untuk 35 gelen dijual pada RM80 manakala RM70 bagi 32 gelen air.

“Kita berharap pekedai tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga bagi mengaut keuntungan berlebihan susulan gangguan bekalan air ini. Saya beli empat tong untuk kegunaan pekerja di pejabat,” katanya.

Pemilik kedai pembo-

rong plastik, Ng Soon Kian berkata, dia terpaksa menempah lebih banyak stok daripada kilang plastik selepas menerima notis gangguan bekalan air.

“Sejak Jumaat lalu pelanggan tidak putus datang membeli tong air. Tiada pembelian panik mungkin penduduk sudah ada tong air yang mereka beli sebelum ini.

“Harga yang kita tawarkan sama seperti tahun lalu malah kita turut beri diskaun kepada pelanggan,” katanya.

Headline	Isu pencemaran bau akan diatasi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	24	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,388
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,165



Isu pencemaran bau akan diatasi

BANGI – Masalah penduduk di kawasan perumahan Batu 6 Bangi yang mendakwa bau busuk dari parit berhampiran sebuah pasar raya akan diatasi dalam masa terdekat.

ADUN Sungai Ramal, Mazwan Johar berkata, pihaknya telah mengadakan mesyuarat bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan melawat tapak lokasi aduan Khamis lalu bersama wakil pemaju, wakil pasar raya dan wakil penduduk.

“Kita fokus kepada dua isu iaitu bau busuk parit dan binaan sangkar gabion merintangi parit besar di situ.

“Wakil pasar raya mahu menyemak semula dan akan mengikut prosedur pemprosesan bahan makanan basah bagi mengelakkan air sisa basuhan

mencemari parit.

“Mereka meminta tempoh satu minggu dan kami setuju,” katanya.

Mazwan berkata, berkaitan gabion di dalam parit pula, pihak MPKj mengakui fungsinya memperlakukan aliran air terutama ketika hujan lebat.

“Ia juga boleh membantu mengurangkan risiko banjir di kawasan perumahan namun perlu diselenggara bagi mengelakkannya menjadi ‘perangkap sampa’.

“Buat masa ini pihak mana yang telah membuat pemasangan gabion itu masih misteri dan akan disiasat oleh untuk penentuan pihak yang sewajarnya dipertanggungjawabkan bagi membayai kos penyelenggaraan,” katanya yang dimuat naik di Facebooknya.



Mazwan melihat gabion yang merintangi parit besar di kawasan perumahan Batu 6 Bangi, semalam.

Headline	Dua minggu dijangka siap		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	24	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,770
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,310



MUDAH! SIRUAD AMPANG / MULU LANGAT: ISWADI ISMAIL - 019 3371003 / 019 8880273

Dua minggu dijangka siap



Wen Siang (empat dari kanan) bersama Khoo Khim Han (enam dari kanan) dan Zulaila Abd Ghani ketika melawat kerja-kerja menaik taraf laluan pejalan kaki di Persiaran SL 1, Bandar Sungai Long.

BALAKONG - Kerja menaik taraf laluan pejalan kaki di Persiaran SL 1, Bandar Sungai Long di sini dijangka siap dalam tempoh dua minggu.

Kemudahan yang melanjutkan kos sebanyak RM20,000 itu dilaksanakan sejak Jumaat lalu untuk kesesuaian orang ramai yang berkunjung ke bandar itu.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kon Wen Siang@ Law Wen Siang berkata laluan Pejalan kaki itu pernah dinaik taraf oleh MPKj empat tahun lalu namun rosak dan

kotor kerana menjadi lokasi pembuangan sampah haram.

“Kerja menaik taraf ini membabitkan beberapa skop kerja termasuk membersihkan kawasan, batu ‘interlock’ yang rosak akan digantikan dengan rumput selepas tanah diratakan,” katanya pada sidang media selepas meninjau kerja-kerja pembaikan berkenaan.

Menurutnya, pembinaan dua tangga turut memudahkan penduduk di dua pangaspuri berhampiran memasuki kawasan perniagaan Bandar Sungai Long.

Turut hadir Ahli Majlis MPKj, Khoo Khim Han dan Zulaila Abd Ghani.

Sementara itu, Zulaila berkata, peruntukan bagi projek tersebut adalah daripada Pejabat Ahli Parlimen Bangi, Dr Ong Kian Ming.

“Selain itu, kerja penyeleggaran pokok turut dilaksanakan di samping membuang tumbuhan parasit. “Ini merupakan projek pertama di bandar Sungai long pada tahun ini. Beberapa projek lain akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat,” katanya.

Headline	PDK Semenyih lancar produk		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	24	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	411 cm ²
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 8,713
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,140



PDK Semenyih lancar produk

Biskut, bantal kekabu dan minuman herba bakal jadi keutamaan

AHMAD ISMADI ISMAIL

SEmenyih

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Semenyih diberi kepercayaan mengeluarkan produk seperti biskut, bantal kekabu dan minuman herba.

Wakil Perpustakaan Semenyih, Mohd Nizam Radzaly berkata, PDK itu terpilih melaksanakan Projek Asean Hometown Improvement.

"Produk itu adalah susulan PDK Semenyih menyertai bengkel dua hari anjuran Asia-Pacific Development Center On Disability serta disokong oleh Kementerian



Maria (kanan) melancarkan produk PDK Semenyih di Plaza Metro, Kajang, Sabtu lalu.

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama urusetia Asean dan Japan-Asean Integration Fund pada tahun lalu," katanya.

Mohd Nizam memberitahu, usaha itu adalah inisiatif ahli jawatankuasa pelaksana yang dilan-

tik untuk memantau kualiti produk.

"Produk tersebut turut dipasarkan di pasar raya dan stesen minyak terpilih," katanya.

Menurutnya, projek itu bertujuan menggalakkan pembangunan produk 'kampung halaman'

berlandaskan Pembangunan Inklusif Komuniti serta menggamlakan prinsip persekitaran tiada kecacatan.

"Ia secara tidak langsung mengukuhkan kerjasama sektor kerajaan, perniagaan dan organisasi Orang kurang Upaya.

info

Projek dilaksanakan di lapan negara Asean termasuk Myanmar, Filipina, Thailand, Vietnam, Kemboja dan Indonesia

"Projek ini turut dilaksanakan di lapan negara Asean termasuk Myanmar, Filipina, Thailand, Vietnam, Kemboja dan Indonesia," katanya.

PDK Semenyih dirasmikan Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Datuk Maria Bernard Sinsoi.

"Pada majlis sama kita turut menghargai pencapaian dan prestasi PDK ini dalam pelbagai aspek kebolehan masing-masing. Kita turut menghargai penyumbang yang banyak membantu dalam kerja-kerja serta aktiviti yang dijalankan untuk pelatih serta keluarga," katanya.

Headline	Gangguan jejas 25 peratus pengguna		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	46	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	470 cm ²
Journalist	NIK HAFIZUL BAHARUDDIN	AdValue	RM 9,289
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,868



Air Selangor sedia 99 lori tangki, 106 tangki statik bekalan air kecemasan

Gangguan jejas 25 peratus pengguna

Oleh NIK HAFIZUL
BAHARUDDIN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 APRIL

GANGGUAN bekalan air yang bermula Rabu ini merupakan antara yang terbesar pernah berlaku melibatkan kira-kira 25 peratus pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago berkata, gangguan bekalan di Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Langat, Kuala Selangor, Kuala Lumpur dan Petaling kali ini menjejaskan 620,835 pemilik akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan.

"Ia adalah antara gangguan air terbesar setakat ini melibatkan kira-kira 25 peratus pengguna di Selangor dan Kuala Lumpur," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Charles berkata, gangguan selama 86 jam itu tidak dapat dilakukan ekoran pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 yang memerlukan tindakan segera.

Katanya, kerja penambahbaikan terpaksa dilakukan



CHARLES SANTIAGO



ABDUL RAOF AHMAD

lebih awal untuk mencegah kerosakan atau risiko kegagalan sistem elektrik sekali gus mencegah gangguan bekalan air tidak terancang.

"Perancangan telah dibuat pada Disember lalu untuk kerja-kerja pembaikan dilaksanakan pada Julai ini tetapi keadaan semasa memerlukan tindakan segera oleh Air Selangor.

"Perkara ini juga mengambil kira keperluan bekalan air sempena cuti 1 Mei, bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Sementara itu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan menggerakkan sebanyak 99 buah lori tangki air termasuk 17 lori tangki air jumbo di sekitar Lembah Klang.

